

Iran syor wujud Kesatuan Islam

WA 23 JUL 2002
Oleh Wan Hazmir Bakar

PUTRAJAYA, Isnin – Iran mencadangkan penubuhan sebuah Kesatuan Islam bagi menggembeng sumber ekonomi dan manusia negara Islam supaya menjadi kuasa utama dalam hal ehwal antarabangsa.

Cadangan itu disampaikan Presiden Iran, Seyed Mohammad Khatami,

kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada pertemuan tertutup hampir sejam di Pejabat Perdana Menteri di sini, petang ini.

Bercakap pada sidang akhbar selepas itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Khatami mencadangkan idea penubuhan kesatuan itu kerana berpendapat negara Islam

pada ketika ini tidak mempunyai satu bentuk kerjasama yang mantap melainkan perbincangan menerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

“Khatami mengutarakan idea kemungkinan menubuhkan Kesatuan Islam iaitu negara Islam dengan sumber ekonomi yang kuat dan negara

LIHAT MUKA 2

Iran minat terhadap cadangan Malaysia perkenal Dinar Emas

DARI MUKA 1

Islam dengan keupayaan sumber manusia dapat bergabung untuk mengambil bahagian serta menjadi pemain utama dalam hal ehwal antarabangsa,” katanya.

Diminta mengulas lanjut cadangan penubuhan Kesatuan Islam itu, Syed Hamid berkata, perkara itu adalah cadangan awal dan perlu dibincangkan lebih lanjut lagi sebelum menjadi kenyataan.

“Apa yang penting ialah Malaysia dan Iran mahu melihat negara Islam mempunyai sesuatu yang dapat diusahakan bagi memberi manfaat kepada semua negara Islam.

“Ia tidak perlu besar, cukup dengan bilangan kecil sebagai permulaan,” katanya tanpa menyatakan sama ada Dr Mahathir menerima cadangan itu atau tidak.

Khatami, yang tiba di sini semalam adalah dalam rangka lawatan rasmi empat hari. Beliau mengetuai delegasi 91 anggota termasuk lima menteri dan timbalan menteri serta pegawai kanan kerajaan dan wakil media.

Selepas pertemuan tertutup itu, Dr Mahathir dan Khatami mengetuai negara masing-masing pada mesyuarat delegasi dan menyaksikan pemeteraian dua perjanjian dua hala serta empat memorandum persefahaman.

Syed Hamid berkata, Iran juga menunjukkan minat terhadap cadangan

Malaysia memperkenalkan Dinar Emas sebagai alternatif pembayaran bagi perdagangan antara negara.

“Khatami berkata kita patut mengadakan perbincangan dalam hal ini bagi menggalakkan lebih banyak negara Islam melihat kemungkinan menjadikan Dinar Emas sebagai pili-

han pembayaran dalam perdagangan,” katanya.

Mengenai usaha memulihkan imej Islam di mata dunia selepas dikaitkan dengan keganasan, Syed Hamid berkata Malaysia dan Iran menggalakkan dialog antarabangsa bagi memberi pemahaman sebenar mengenai Islam kepada masyarakat antarabangsa dan bersependapat bahawa OIC harus menerajui usaha itu.

“Islam perlu ditunjukkan sebagai agama keamanan dan pembangunan. Ini adalah perjuangan yang dikongsi bersama Malaysia dan Iran,” katanya.

Mengenai kedudukan Iraq yang diancam serangan baru Amerika Syarikat, Syed Hamid berkata Iran mengiktirafkan wilayah dan kedaulatan Iraq.

“Bagi Malaysia pula kita sentiasa menganggap bahawa peperangan, kekerasan dan tindakan ketenteraan, sekatan tidak mencapai matlamat membawa keamanan dan kestabilan. Malah tindakan ketenteraan menyebabkan ramai rakyat menderita,” katanya.

Syed Hamid berkata, kedua-dua pemimpin turut membincangkan pelbagai bidang kerja sama, khususnya perdagangan dan pelaburan, yang mampu meningkatkan hubungan serta menguntungkan kedua-dua negara.

Katanya, Khatami turut menawarkan kepakaran Iran dalam bidang kesenian dan kebudayaan.